



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

**G. SEKTOR PENGURUSAN STRATA**

**| BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

- 1. Adakah Mesyuarat Agung (AGM/EGM/Jawatankuasa Pengurusan) boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)?**

Boleh. Tertakluk kepada SOP Khusus yang dikeluarkan oleh MKN.

- 2. Adakah komuniti strata boleh bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh PKPP?**

Boleh. Semua aktiviti berbentuk *outdoor* dan *indoor* adalah dibenarkan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Sebarang aktiviti yang dilarang oleh MKN, KKM atau lain-lain agensi adalah tidak dibenarkan.

- 3. Adakah Pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan/ Property Manager yang menguruskan skim strata dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja maksima dan pejabat pengurusan dibuka kepada orang ramai dalam PKPP?**

Pejabat pengurusan boleh **beroperasi dengan kapasiti maksima** dan dibuka kepada orang ramai, tertakluk kepada jarak sosial 1 meter antara pekerja di dalam pejabat serta mengambil langkah-langkah kawalan pencegahan COVID-19 semasa pengoperasian pejabat dan semasa berurusan dengan pelanggan.

**4. Adakah harta bersama seperti dewan, *gymnasium*, *badminton court*, kolam renang boleh digunakan dalam tempoh ini?**

Boleh. Fasiliti yang terdapat di dalam harta bersama (*common property*) boleh digunakan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Sebarang aktiviti yang dilarang oleh MKN, KKM atau lain-lain agensi adalah tidak dibenarkan.

**5. Adakah pengubahsuaian rumah (*renovation*) di skim strata dibenarkan dalam tempoh ini?**

Ya. Sebarang pengubahsuaian adalah dibenarkan. Urusan pengubahsuaian perlu mendapat kebenaran bertulis pihak pengurusan skim strata, dan pemilik membuat semakan serta mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) apabila perlu.

**6. Adakah terdapat masa yang ditetapkan kepada kontraktor bagi melaksanakan kerja penyelenggaraan/pengubahsuaian (*renovation*)?**

Kontraktor/*vendor*/pekerja hendaklah melaksanakan kerja mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak pengurusan dan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

**7. Adakah pelawat (*visitor*) dibenarkan masuk skim strata kediaman seperti kondominium/apartment?**

Pelawat boleh memasuki skim strata dan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

**8. Adakah pos, courier dan pekerja penghantaran (FoodPanda, Grabfood dan sebagainya) dibenarkan memasuki skim strata?**

Dibenarkan. Pihak pengurusan boleh membenarkan penghantaran barangan/makanan secara terus ke unit yang terlibat. Pekerja penghantaran dengan suhu badan yang melebihi 37.5°C **tidak dibenarkan** memasuki skim strata berkenaan.

**9. Bolehkah penduduk melakukan sebarang aktiviti luar seperti bersenam, jogging dan sebagainya di kawasan skim strata?**

Boleh. Penduduk boleh melakukan aktiviti sukan yang tidak melibatkan sentuhan badan. Semua aktiviti yang dilarang oleh MKN adalah tidak dibenarkan. Aktiviti kolam renang adalah dibenarkan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh MKN/KBS.

**10. Adakah aktiviti sewaan penginapan jangka pendek (*short term rental accommodation*) seperti *Airbnb* dan sebagainya dibenarkan beroperasi dalam skim strata semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)?**

Segala aktiviti sewaan penginapan jangka pendek (*short term rental accommodation*) seperti *Airbnb* adalah dibenarkan tertakluk kepada undang-undang kecil badan pengurusan. Pemilik perlu memaklumkan pihak pengurusan sesebuah skim strata mengenai kehadiran tetamu/pelanggan untuk tujuan rekod dan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Kerajaan.